

Tragedi Christchurch - bagaimana kami dapat membantu

Jika anda telah terjejas oleh tragedi di Christchurch, terdapat pelbagai sokongan kerajaan yang boleh didapati - sama ada anda telah kehilangan orang yang disayangi, cedera, menjadi saksi, atau jika anda menyokong orang yang terjejas. Kami ada di sini untuk membantu anda.

Hubungi **0800 779 997** dari jam 7 pagi - 6 petang, Isnin hingga Jumaat, dan 8 pagi - 1 petang, Sabtu (masa New Zealand). Jika anda menghubungi dari luar negara, telefon **+64 4 466 4698**.

0800 Government Helpline (0800 Talian Bantuan Kerajaan)

Anda boleh menghubungi 0800 779 997 jika anda:

- ingin bantuan
- ingin lebih banyak maklumat.

Sekiranya anda menghubungi dari luar negara, telefon +64 4 466 4698. Talian dibuka dari jam 7 pagi - 6 petang, Isnin hingga Jumaat, dan jam 8 pagi - 1 petang, Sabtu (masa New Zealand).

Beberapa agensi kerajaan boleh membantu dengan bantuan kewangan. Kami mungkin dapat mengaturkan bayaran untuk anda melalui telefon.

Walaupun anda fikir anda tidak layak untuk bantuan kewangan, sila hubungi kami. Terdapat cara-cara lain yang mungkin kami dapat membantu, dan kami boleh menasihati anda bagaimana anda boleh memperolehinya.

Victim Support (Sokongan Mangsa)

Victim Support memberikan bantuan jika anda kehilangan orang yang disayangi, cedera, mempunyai anggota keluarga yang cedera, atau menjadi saksi kepada serangan Christchurch.

Siapa yang boleh kita bantu?

- Ahli keluarga mangsa yang telah meninggal dunia
- Orang yang dimasukkan ke hospital berikutan serangan itu, dan ahli keluarga mereka
- Orang yang telah menyaksikan atau terjejas secara teruk oleh serangan tersebut

Anda tidak perlu semestinya warganegara atau penduduk New Zealand untuk mendapat bantuan kami.

Bagaimana kita dapat membantu?

- **Bantuan praktikal.** Seorang pekerja sokongan boleh memberi anda dan keluarga anda bantuan praktikal (seperti mengisi borang, isu perbankan, menjawab soalan-soalan anda, dan rujukan kepada perkhidmatan lain)
- **Sokongan kesedihan dan trauma.** Seorang pekerja sokongan boleh menyokong anda dan keluarga anda pada masa kesedihan dan trauma anda
- **Bantuan kewangan.** \$15,000 untuk setiap ahli keluarga terbunuh, \$5,000 untuk setiap orang yang dimasukkan ke hospital, dan geran-geran lain untuk kos

Tragedi Christchurch - bagaimana kami dapat membantu

mendesak yang disebabkan oleh tragedi Christchurch (contohnya pengaturan pengebumian, perjalanan keluarga dan penginapan).

Maklumat lanjut

Telefon: 0800 842 846

E-mel: nationaloffice@victimsupport.org.nz

www.victimsupport.org.nz

ACC (Accident Compensation Corporation) (Perbadanan Pampasan Kemalangan)

ACC adalah organisasi kerajaan yang memberi bantuan apabila orang atau ahli keluarga mereka cedera atau mati akibat kecederaan. Bantuan ini tersedia untuk semua orang di New Zealand dan juga termasuk pelawat ke New Zealand, jika mereka tercedera di sini.

Siapa yang boleh kita bantu?

- Orang yang cedera dalam serangan ini, keluarga mereka dan orang sokongan.
- Orang yang kehilangan orang yang disayangi dalam serangan itu.

Bagaimana kita dapat membantu?

Kecederaan

- Membayar kos perubatan.
- **Pampasan untuk kehilangan pendapatan.** Kami membayar sehingga 80 peratus daripada pendapatan anda sebagai pampasan mingguan jika anda tidak dapat bekerja kerana kecederaan.
- **Membantu di rumah.** Kami boleh memberi bantuan untuk membersihkan dan menjaga rumah anda, dan bantuan untuk penjagaan diri seperti mandi dan berpakaian.
- **Penjagaan anak.** Bantuan boleh diberi di rumah atau di *playcentre* atau tadika. Kami juga boleh membantu ibu bapa yang cedera dengan tugas yang mereka tidak dapat lakukan untuk anak mereka kerana kecederaan, contohnya mandi dan berpakaian.

Keluarga yang kehilangan seorang yang tersayang

Bantu dengan kos pengebumian. Kami membayar geran pengebumian sehingga \$10,000 ke kos pengebumian dan peringatan. Anda tidak akan dikenakan apa-apa cukai pada geran ini. Anda boleh memilih untuk mempunyai pengebumian atau peringatan di New Zealand atau di luar negara.

Geran untuk keluarga mangsa yang meninggal dunia. Keluarga juga boleh mendapatkan bayaran sekaligus - kepada pasangan, anak dan tanggungan mangsa yang mati (orang yang bergantung kepada mereka untuk sokongan kewangan). Kami membayar:

- \$6,668 kepada suami/isteri atau pasangan
- \$3,334 kepada setiap kanak-kanak di bawah usia 18 tahun atau orang tanggungan yang lain. Jika kanak-kanak atau tanggungannya di bawah 16 tahun,

bayaran ini akan diberikan kepada ibu bapa atau penjaga mereka. Geran ini tidak akan dikenakan cukai.

Sokongan berterusan untuk kanak-kanak di New Zealand. Sekiranya orang yang meninggal mempunyai anak, keluarga boleh menerima pembayaran mingguan untuk membantu penjagaan anak selama lima tahun atau sehingga anak tersebut berumur 14 tahun. Jumlahnya bergantung kepada berapa kanak-kanak di bawah umur 14 tahun yang dijaga. Anda tidak akan dikenakan cukai pada bayaran ini, tetapi ia boleh menjejaskan bantuan yang anda terima dari Work and Income. Jika anak mempunyai kecacatan, kami boleh menilai sama ada pembayaran boleh diteruskan untuk lebih lama.

Pampasan mingguan untuk keluarga. Jika orang yang mati mempunyai pendapatan di New Zealand apabila mereka meninggal dunia, anda mungkin boleh menerima pampasan bagi kehilangan pendapatan itu untuk menyokong keluarga. Kami membayar sehingga 80 peratus daripada apa yang telah dibayar kepada mangsa yang telah meninggal. Wang ini tersedia untuk menyokong suami/isteri atau pasangan, anak-anak mereka, dan mungkin juga boleh diberi kepada ibu bapa atau saudara-mara mereka yang bergantung kepada mereka. Sekiranya seseorang yang bergantung pada mangsa tinggal di luar negara, mereka mungkin masih boleh menerima bayaran. Kelayakan untuk bayaran ini bergantung kepada keadaan seseorang.

Maklumat lanjut

Telefon: 0800 080 273

E-mel: christchurchresponse@acc.co.nz
www.acc.co.nz

Kaunseling - jika anda perlu bercakap dengan seseorang

Helpline (Talian bantuan)

Sesiapa sahaja boleh memanggil atau teks 1737 (dari telefon bimbit) dan bercakap dengan kaunselor terlatih. Anda juga boleh memanggil dengan percuma dari talian tetap pada 0800 1737 1737. Ini adalah perkhidmatan percuma 24 jam.

Jumpa doktor

Jika anda seorang penduduk atau warganegara New Zealand anda juga boleh berjumpa dengan doktor tempatan anda, bayaran mungkin dikenakan. Jika anda melancong dari luar negara, bincanglah dengan penanggung insurans perjalanan anda, ia mungkin diliputi.

Work and Income (“Kerja dan Pendapatan”)

Work and Income adalah organisasi kerajaan yang membantu apabila rakyat berpendapatan rendah atau tidak bekerja. Ini termasuk sokongan kewangan, manfaat seperti JobSeeker Support dan New Zealand Superannuation.

Siapa yang boleh kita bantu?

Orang yang terjejas oleh tragedi Christchurch atau yang perlu menuju ke Christchurch kerana itu. Anda tidak semestinya sedang menerima apa-apa bantuan kewangan.

Bagaimana kita dapat membantu?

Pembayaran untuk kos yang mendesak atau tidak dijangka

Kami mungkin dapat membantu dengan beberapa keperluan semasa, serta keperluan penting seperti:

- makanan
- tempat tidur
- petrol dan kos perjalanan lain jika di dalam New Zealand.

Advance Payment of Benefit (Bayaran Bantuan Awal)

Orang yang mendapat bantuan kewangan yang memerlukan bantuan untuk memenuhi keperluan segera boleh mendapat Advance Payment of Benefit sehingga enam minggu.

Emergency Benefit (Bayaran Bantuan Kecemasan)

Untuk orang yang tidak layak mendapat bantuan kewangan lain.

Kehilangan pendapatan

Anda mungkin layak menerima Civil Defence Payment (Bayaran Pertahanan Awam) untuk kehilangan pendapatan jika:

- Tempat kerja anda ditutup (seperti jika berada di dalam kawasan larangan Polis)
- Anda tidak boleh pergi kerja kerana kejadian di Christchurch pada hari Jumaat 15 Mac
- anda perlu menemani keluarga atau whānau.

Anda masih boleh memohon bantuan ini jika anda pemegang visa kerja sementara (seperti permit kerja) dan bekerja pada masa tragedi itu.

Perlu meninggalkan rumah anda

Anda mungkin boleh menerima Civil Defence Payment untuk kos lain jika anda:

- tidak boleh sampai ke rumah anda, kerana anda tinggal di kawasan larangan Polis
- menyediakan tempat tinggal untuk rakan atau keluarga, atau
- memerlukan bantuan dengan makanan, pakaian atau tempat tidur kerana anda tidak boleh pulang ke rumah.

Maklumat lanjut

www.workandincome.govt.nz

Inland Revenue (IR) (Hasil Dalam Negeri)

Inland Revenue memberi nasihat dan sokongan berkaitan dengan cukai untuk semua individu, keluarga dan perniagaan. Kami juga boleh membantu untuk memastikan anda memperolehi hak anda yang tepat untuk Working for Families Tax Credits (Kredit Cukai untuk Keluarga) dan Child Support (Sokongan Anak).

Siapa yang boleh kita bantu?

Orang yang terjejas oleh serangan ini yang mempunyai persoalan tentang cukai (urusan cukai peribadi atau perniagaan).

Tragedi Christchurch - bagaimana kami dapat membantu

Ini termasuk soalan yang anda mungkin ada jika anda memerlukan maklumat mengenai:

- Working for Families Tax Credits (Kredit Cukai untuk Keluarga)
- Child Support (Sokongan Anak)
- Student Loans (Pinjaman Pelajar)
- KiwiSaver

Bagaimana kita dapat membantu?

Kami tahu soalan mengenai cukai mungkin bukan yang anda fikirkan sekarang. Bila anda sedia, kami berada di sini untuk memberikan maklumat dan sokongan yang anda perlukan. Sila hubungi kami di **0800 473 383** bila-bila masa antara jam 8 pagi hingga 8 malam Isnin hingga Jumaat dan 9 pagi hingga 1 pagi pada hari Sabtu. Kami juga boleh mengatitkan penghubung komuniti Inland Revenue untuk bertemu dengan anda secara peribadi pada masa yang sesuai untuk anda.